

## Kebahagiaan Rumah Tangga

05 Jamadil Awal 1443H/10 Desember 2021M

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ .

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Perkahwinan adalah tuntutan syariat dan merupakan Sunnah Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam. Ia merupakan satu medan untuk kita belajar lebih menghargai dan mensyukuri nikmat Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Tujuan perkahwinan adalah untuk melahirkan generasi khalifah Allah Subhanahu wa-Ta'ala dan penyambung warisan tugas kenabian di atas muka bumi ini.

Perkahwinan bukan sahaja boleh melahirkan keberkatan dalam kehidupan berkeluarga malah mewujudkan suasana harmoni kepada masyarakat dan negara. Namun bagi mencapai matlamat sebuah keluarga bahagia adalah satu cabaran besar bagi mana-mana pasangan. Keluarga yang bahagia bermaksud keluarga yang dibina atas asas ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dan memperoleh rahmat-Nya di dunia dan di akhirat. Allah Subhanahu wa-Ta'ala menjelaskan dalam surah at-Tahrim ayat 6:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوًا أَنفُسِكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ

غِلَظٌ شَدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

**Yang bermaksud:** “Wahai orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada Neraka yang bahan-bahan bakarnya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.”

Ayat ini mengajar kita bahawa adalah menjadi tanggungjawab suami isteri dan ibubapa memastikan perjalanan hal ehwal dalam keluarga tidak melanggar batas syariat Islam. Mana-mana ketua keluarga yang hilang arah tuju yang jelas, akan mengakibatkan anak-anak hidup dalam keadaan terumbang-ambing.

Persoalan besar yang timbul ialah apakah penyelesaian yang terbaik bagi memastikan sebuah keluarga menuju arah yang betul dan selamat?. Pembinaan sebuah keluarga yang bahagia, hendaklah berteraskan kefahaman agama dengan mempunyai ilmu dan pendidikan kekeluargaan sebagai pedoman.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Dalam suasana cabaran masa kini, kita menyedari bahawa mana-mana pemimpin keluarga yang tidak mementingkan pendidikan akan terus tertinggal dari segi penghayatan ilmu. Manakala keluarga yang tidak memiliki pegangan agama yang kukuh akan terjerumus dengan segala macam gejala sosial yang tidak berakhlak seperti ancaman penagihan dadah, judi, zina, minum arak, rempit, pembuangan bayi dan segala macam perkara yang menyalahi hukum Allah Subhanahu wa-Ta'ala dan undang-undang negara.

Islam mengajar umatnya agar menjadikan rumahtangga sebagai sebuah institusi yang aman, selamat, sihat, harmoni dan bahagia buat seluruh ahli keluarga. Oleh itu, jauhilah daripada perkara-perkara yang boleh membawa kepada perceraian dan keruntuhan institusi keluarga. Kebiasaannya, perceraian itu boleh membawa kesan yang buruk kepada keluarga dan masyarakat.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Dalam pembinaan keluarga bahagia ini, beberapa perkara perlu diambil perhatian. Antaranya memupuk rasa kasih sayang antara suami isteri dan keluarga dalam suasana ceria serta memperkukuhkan akidah yang mantap dan tidak mensyirikan Allah Subhanahu wa-Ta'ala.

Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah Luqman ayat 13:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ

عَظِيمٌ

**Yang bermaksud:** “Dan (ingatlah) tatkala Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya:”Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ

الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا

وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ

وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.